

**PRESTASI PERTUBUHAN
PELADANG (PP)
DALAM TAHUN 2005**

PRESTASI PERTUBUHAN PELADANG

Aktiviti-aktiviti Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di bawah program pembangunan sosio-ekonomi Pertubuhan Peladang (PP) telah memberi kesan kepada peningkatan kegiatan ekonomi PP dan seterusnya meningkatkan penyertaan ahli dalam pergerakan PP. Pencapaian ini adalah sebagai output tenaga pengurusan LPP yang ditugaskan di PP. Prestasi yang dibentang adalah meliputi prestasi PP di bawah pengendalian LPP yang melibatkan sebuah Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), 12 buah Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan 203 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Prestasi ini berasaskan Penyata Laporan Kewangan PP yang telah diaudit berakhir 31 Disember 2005.

MAKLUMAT KORPORAT

LATAR BELAKANG

Pertubuhan Peladang adalah institusi yang dimiliki oleh peladang-peladang diwujudkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109). PP mempunyai peraturan-peraturan dan perlembagaannya tersendiri.


OBJEKTIF

Objektif penubuhannya ialah untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial, menambah pengetahuan dan kemahiran, meninggikan hasil dan pendapatan dan membaiki cara hidup ahli-ahli serta mewujudkan masyarakat peladang yang progresif, berdikari, makmur dan bersatupadu.

PERANAN PERTUBUHAN PELADANG

- (i) Meningkatkan daya pengeluaran peladang menerusi penyediaan perkhidmatan;
- (ii) Meningkatkan pertumbuhan sektor pertanian yang pesat menerusi usaha penyusunan semula pertanian;
- (iii) Meningkatkan bidang perniagaan dan pertumbuhan pelaburan PP;
- (iv) Meningkatkan taraf sosio-ekonomi dan kualiti penghidupan peladang; dan
- (v) Menyeimbangkan pembangunan sektor perladangan dan perindustrian menerusi pembangunan perusahaan asas tani di kawasan luar bandar.

STRUKTUR PERGERAKAN PP TIGA PERINGKAT



***Nota:**

- NAFAS - Pertubuhan Peladang Kebangsaan
 PPN/PPK - Semua PPK adalah ahli kepada PPN dan semua PPN pula adalah ahli kepada NAFAS
 UNIT PELADANG - Ahli individu PPK berjumlah sekurang-kurangnya 30 orang yang disatukan dalam kumpulan formal di peringkat kampung dan mengandungi kumpulan-kumpulan kecil informal di bawahnya.
 KOPERASI - Koperasi Asas Tani yang merupakan ahli institusi PPK.

1 PPN dan 68 PPK diwakilkuasakan oleh Pendaftar PP (Ketua Pengarah LPP) kepada MADA (27 PPK), KADA (13 PPK) dan Sarawak (1 PPN, 28 PPK).


KEAHLIAN DAN MODAL SAHAM

KEAHLIAN PPK

Pada tahun 2005 terdapat 216 buah PP di bawah pengendalian terus LPP yang terdiri daripada sebuah Pertubuhan Peladang Kebangsaan, 12 PPN dan 203 PPK. Sehingga akhir tahun 2005 seramai 481,671 orang peladang telah mendaftar sebagai ahli PPK. Bilangan ahli telah meningkat seramai 11,405 orang (2.4 peratus) berbanding dengan tahun 2004.

Jadual 1 : Keahlian di bawah Kendalian LPP 2004 – 2005

Perkara	2004	2005
Bilangan Ahli	470,266	481,671



MODAL SAHAM

Secara keseluruhannya berakhir 31 Disember 2005, jumlah saham terkumpul PP iaitu NAFAS, PPN dan PPK adalah berjumlah RM98.85 juta meningkat 10.00 peratus.

Saham PPK

Jumlah modal saham berbayar bagi ahli PPK sehingga akhir tahun 2005 adalah sebanyak RM69.15 juta pertambahan sebanyak 11.77 peratus berbanding dengan tahun 2004. Purata saham setiap ahli ialah RM116.

Saham PPN


PPN sehingga akhir tahun 2005 berjaya mengumpulkan modal saham sebanyak RM22.65 juta yang merupakan peningkatan sebanyak RM0.72 juta (3.18 peratus) berbanding dengan tahun 2004. Purata saham setiap PPK ialah RM108,029 peningkatan sebanyak RM20,469.

Saham NAFAS

Modal saham berbayar NAFAS bagi tahun 2005 ialah RM7.05 juta bertambah sebanyak RM1.03 juta iaitu 14.61 peratus berbanding dengan tahun 2004.

Jadual 2 : Modal Saham PP 2003-2005

Pertubuhan Peladang	Nilai (RM Juta)		
	2003	2004	2005
PPK	54.975	61.01	69.15
PPN	17.512	21.93	22.65
NAFAS	5.175	6.02	7.05
Jumlah	77.662	88.96	98.85



PROJEK PENGELUARAN LADANG DAN BAHAN MAKANAN

Terdapat dua bentuk penglibatan PP dalam kegiatan pengeluaran ladang dan bahan makanan. Pertama, PP memiliki dan menguruskan ladang secara korporat. Kedua PP menguruskan projek ahli secara mini estet atau ladang kelompok meliputi pelbagai jenis komoditi seperti kelapa sawit, padi, ternakair, ternakan, sayur-sayuran dan buah-buahan. Pada tahun 2005, jumlah keluasan dan jenis tanaman yang dimiliki dan diuruskan secara korporat oleh PP adalah seperti **Jadual 3**.

Jadual 3 : Pengurusan Ladang Secara Korporat oleh PP

Jenis Projek	Luas/saiz	Nilai Pengeluaran (RM)
Padi	33,096 ha	150,586,800
Kelapa Sawit	11,814 ha	59,887,520
Getah	1,788 ha	11,032,360
Buah-buahan	2,594 ha	2,407,657
Sayur-sayuran	555 ha	3,673,422
Ternakan	12,059,068 ekor	67,530,783
Ternakair	170 ha	3,664,014
Semaian	20 ha	1,112,817
Jumlah		238,494,856



PROJEK PERKHIDMATAN PERNIAGAANTANI PP

Perkhidmatan perniagaantani utama PP ialah pembekalan input pertanian dan pemasaran hasil pertanian. Pada tahun 2005 nilai pembekalan input pertanian PP ialah RM630.67 juta dan pemasaran hasil pertanian ialah RM341.14 juta. Kedua-dua aktiviti tersebut menyumbangkan 50 peratus kepada keseluruhan isipadu khidmat perniagaantani PP yang bernilai RM1,870.02 juta. Kegiatan pembekalan input ini melibatkan seramai 93,321 orang ahli peladang dan bernilai RM61.13 juta, manakala 62,899 peladang terlibat dalam kegiatan pemasaran hasil pertanian oleh PPK dengan nilai berjumlah RM191.73 juta.

Projek-projek lain yang dilaksanakan oleh PP termasuklah kontrak pertanian, khidmat kejenteraan ladang serta pengangkutan hasil pertanian dan pembekalan barang keperluan harian kepada peladang melalui kedai peladang dan pasar mini peladang. Projek-projek ini menyumbangkan pendapatan kepada PP dan memberi manfaat kepada ahli peladang dari segi perolehan perkhidmatan, khidmat nasihat, pemindahan teknologi, amalan pertanian baik dan peluang-peluang pekerjaan yang boleh menambahkan pendapatan mereka. PP juga bergiat dalam usaha meningkatkan projek industri asas tani dalam sektor pemprosesan, pembuatan dan perkhidmatan. Dalam sektor pemprosesan jenis industri yang dijalankan ialah kilang beras, kilang makanan terutama makanan ringan, pemprosesan ayam daging dan kelapa sawit.




ISIPADU PERKHIDMATAN PERNIAGAAN DAN KEUNTUNGAN

ISIPADU PERNIAGAAN

Isipadu Perniagaan PPK

Jumlah isipadu perniagaan PPK pada tahun 2005 ialah RM564.49 juta, berkurang sebanyak RM62.78 juta iaitu 11.12 peratus berbanding dengan tahun 2004. Jumlah urusniaga tersebut telah memberikan lebih sebanyak RM24.18 juta.


RAJAH 3 : PECAHAN ISIPADU PERNIAGAAN PPK 2005



Isipadu Perniagaan PPN

Sehingga akhir tahun 2005, PPN memperolehi isipadu perniagaan sebanyak RM488.39 juta. Ini merupakan peningkatan sebanyak RM156.94 juta (32 peratus) berbanding dengan isipadu perniagaan 2004. Jumlah urusniaga tersebut memberikan lebih RM28.03 juta.


RAJAH 4 : PECAHAN ISIPADU PERNIAGAAN PPN 2005



Isipadu Perniagaan NAFAS


Jumlah isipadu perniagaan NAFAS sehingga akhir tahun 2005 ialah RM817.16 juta. Angka ini meningkat sebanyak RM341.51 juta (41 peratus) berbanding nilai isipadu yang dicapai pada tahun 2004. Jumlah urusniaga tersebut telah memberikan lebih sebanyak RM20.94 juta.

RAJAH 5 : PECAHAN ISIPADU NAFAS TAHUN 2005



Secara keseluruhannya, jumlah isipadu perniagaan yang dicapai oleh NAFAS, PPN dan PPK bagi tempoh 2005 ialah RM1,870.02 juta, peningkatan sebanyak RM435.65 juta (23 peratus) berbanding dengan tahun 2004.

RAJAH 6: PECAHAN ISIPADU PP 2005



Jadual 4 : Pencapaian Isipadu Perniagaan PP 2003 – 2005

Pertubuhan Peladang	Nilai Isipadu (RM) juta		
	2003	2004	2005
PPK	571.55	627.27	564.47
PPN	346.12	331.45	488.39
NAFAS	393.87	475.65	817.16
Jumlah	1,311.54	1,434.37	1,870.02

LEBIHAN

Dalam tempoh yang sama juga semua PP telah memperolehi lebih sebanyak RM73.15 juta berbanding tahun 2004 sebanyak RM77.06 juta. Ini merupakan penurunan sebanyak RM3.91 juta (5.3 peratus).

Jadual 5 : Pencapaian Keuntungan PP 2003 – 2005

Pertubuhan Peladang	Nilai Isipadu (RM) juta		
	2003	2004	2005
PPK	26.03	27.83	24.18
PPN	13.74	23.61	28.03
NAFAS	16.12	25.62	20.94
Jumlah	55.89	77.06	73.15

